

BAB 4

PERANAN ISLAM DI INDIA

Agama sememangnya memberi sumbangan dan makna yang besar terhadap pembentukan peradaban India. Ini kerana peradaban India merupakan tanah kelahiran agama-agama besar dunia seperti Hindu, Buddha, Sikh dan Jaina malah mempunyai jumlah penganut Islam dan Kristian yang besar. Jadi tidak hairanlah apabila seluruh aktiviti masyarakat India dikaitkan dengan aspek agama.

Sebagaimana agama-agama yang lain, agama Islam juga sebenarnya telah memainkan peranan yang tersendiri dalam mencorak peradaban India kontemporari. Dalam bab ini kita akan membincangkan peranan Islam itu sendiri secara terperinci. Islam merupakan satu konsep hidup yang komprehensif. Ajarannya tidak hanya terbatas kepada persoalan hubungan antara manusia dengan tuhan, malah merangkumi setiap dimensi kehidupan manusia. Ini bermakna Islam tidak hanya membicarakan perkara-perkara yang bersifat 'agama' sahaja tetapi juga perkara-perkara 'keduniaaan'. Ini kerana dalam Islam tidak ada pemisahan secara total antara aspek keakhiratan dengan aspek keduniaan. Sebaliknya kedua-duanya berjalan secara bersepadu.¹²⁸

Sebelum kemerdekaan India dan perpecahan India dan Pakistan, didapati bahawa penduduk India Muslim pada tahun 1943 ialah sebanyak 42.4 juta iaitu kira-kira 13.34% daripada keseluruhan penduduk di India pada masa tersebut.

¹²⁸ Ghazali Darusalam, **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm. 330.

Jumlah penduduk ini berkurangan menjadi 9.91% pada tahun 1951 kesan daripada perpindahan penduduk India Muslim ke Pakistan. Jadual 4.1 dibawah menunjukkan peratusan penduduk India Muslim sehingga banci penduduk pada tahun 1991.¹²⁹

Tahun	Bil. Penduduk India Muslim	% Penduduk India Muslim
1951	35,414,184	9.91
1961	46,940,799	10.69
1971	61,418,269	11.21
1981	75,512,439	11.35
1991	101,596,057	12.12

Jadual 4.1: Peratusan Penduduk India Muslim sehingga banci penduduk pada tahun 1991

Kemerdekaan India yang diperolehi serentak dengan Pakistan menyaksikan penyusutan populasi masyarakat Islam di India. Ini jelas apabila bancian penduduk yang diadakan pada tahun 1991 menyaksikan bilangan penduduk India Muslim hanya terdiri daripada 12.12%. Masyarakat Hindu menguasai populasi penduduk dengan 82% daripada penduduk India.¹³⁰ Selebihnya dikuasai oleh agama-agama lain. Ini jelas dapat dilihat didalam jadual 4.2 dibawah:¹³¹

Kump. Masyarakat	Bilangan	% Populasi Negara
Hindu	687,646,721	82.00
Islam	101,596,057	12.12
Kristian	19,640,284	2.3
Sikh	16,259,744	1.9
Buddha	3,352,706	0.8
Jaina	3,536,611	0.4
Lain-lain	838,419,623	0.4

Jadual 4.2: Banci penduduk mengikut agama pada tahun 1991

¹²⁹ www.geocities.com/a_habib/India/psp.html.

¹³⁰ M. Hashim Qureshi, **Muslims In India Since Independence**, Institute of Objektif Studies, New Delhi, 1998, hlm. 12.

¹³¹ Ibid., hlm 12

Islam sememangnya telah memainkan peranan yang penting dalam peradaban negara India. Kemerdekaan yang dicapai oleh India pada tengah malam, 15 Ogos 1947 telah menyaksikan pemisahan India-Pakistan. Setelah perpisahan terjadi pada tahun 1947, orang-orang Islam yang tinggal di wilayah India telah berpindah ke Pakistan dan orang-orang Hindu yang ada di wilayah Pakistan berpindah ke India. Lebih dari puluhan juta orang telah berpindah menyeberangi perbatasan yang telah ditetapkan dan mencari tempat yang baru yang sesuai dengan kemahuan mereka.¹³² Namun begitu, tidak semua orang Islam di India berhijrah ke Pakistan dan sebaliknya. Ini kerana sebahagian daripada enggan berpindah dari tanah kelahiran mereka sendiri. Perpindahan tersebut juga tidak menjamin adanya tempat tinggal yang selesa kepada mereka yang berhijrah.

Setelah pemisahan India Pakistan, orang-orang Hindu di India telah menganggap bahawa tanah India menjadi tanah milik mereka, tidak boleh ditinggalkan oleh orang Islam, kerana mereka telah diberikan tempat yang khusus iaitu Pakistan. Setiap orang Islam hendaklah berpindah ke sana, kalau tidak mereka akan diusir secara kekerasan. Namun begitu lebih 80 juta penduduk umat Islam yang tidak mahu berpindah disebabkan kesulitan perpindahan dan terjadinya kekacauan pada harta mereka. Mereka juga tidak mahu meninggalkan harta benda mereka yang ada kerana ia tidak boleh diganti oleh pemerintah Pakistan. Apa yang lebih penting lagi, mereka tidak mahu meninggalkan masjid-

¹³² Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm. 178.

masjid dan pusat pengajian tinggi Islam yang kebanyakannya berada di wilayah India. Mereka telah menjadikannya sebagai alasan tidak mahu berpindah keluar dari India.¹³³

Pada masa sekarang, India dilihat sebagai sebuah negara demokrasi dimana kerajaan yang dibentuk pada hari ini adalah atas lantikan penduduknya. Bagi mengatasi permasalahan masyarakat Islam di India, mereka sepatutnya tidak bergantung kepada kerajaan tetapi hendaklah menyelesaikan pertikaian ini dengan masyarakat India itu sendiri. Ini jelas dalam pernyataan Dr. Syed Abi Hussain (1896-1975) didalam bukunya *The Destiny of Indian Muslims*, dimana beliau menyatakan “*But muslims still labour under the impression that the solution to their problem is in the hands of the goverment. To the goverment alone they take their troubles and from it alone they aspek a remedy*”.¹³⁴

Sebenarnya Islam juga memainkan peranan penting dalam usaha mencapai kemerdekaan di India. Terdapat tokoh-tokoh yang cuba membangkitkan semangat kebangsaan atau fahaman nasionalisme dan meniupkan semangat perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dari penjajah. Maulana Abul Kalam Azad dan Maulana Mohammad Ali adalah pemimpin yang terkenal dari golongan muslimin yang telah memainkan peranan dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan tersebut.¹³⁵

¹³³ Ibid., hlm 178-179.

¹³⁴ Maulana Wahiduddin Khan, **Indian Muslims**, hlm. 136.

¹³⁵ Ibid., hlm 173.

Kepimpinan Jawaharlal Nehru sebagai Perdana Menteri telah diterima secara terbuka oleh masyarakat India termasuklah orang Islam. Kerajaan yang dipimpin oleh Parti Kongres ini akan menjadi satu parti yang kuat dan mampu menangani permasalahan komunal dengan baik. Masyarakat Islam telah menjadi penyokong parti pemerintah dan melihatnya sebagai membantu kedudukan masyarakat Islam sebagai sebuah masyarakat minoriti di India.¹³⁶

Sememangnya orang Islam memainkan peranan penting kepada Parti Kongres. Ini jelas kelihatan apabila sekitar tahun 1990-an, orang Islam telah hilang kepercayaan terhadap parti Kongres dan menyokong *Parti Janata Dal* yang bergabung dengan *Front Nasional* pimpinan V. P. Singh yang menentang pembinaan candi di Ayodhya.

Kelompok *Untouchable Castes* dan Muslim cenderung meninggalkan parti kongres kerana parti ini tidak memperjuangkan masyarakat minoriti dan kasta rendah. Bagi masyarakat Islam, kepercayaan mereka hilang apabila kongres gagal melindungi mereka dari kekerasan kaum Hindu yang diketuai oleh BJP dan *Visma Hindu Parishade* (VHP). Ini jelas apabila Parti Kongres mengalami kekalahan teruk pada tahun 1996 dimana hanya berjaya mendapatkan 136 kerusi sahaja berbanding 545 kerusi Parlimen.¹³⁷

¹³⁶ Azharudin Mohamed Dali, "Konflik Agama di India" dalam **Pemikir**, April-Jun 2001, hlm. 29.

¹³⁷ Dhuroruddin Mashad, **Agama Dalam Kemelut Politik**, hlm. 23-26.

Selepas kemerdekaan terdapat dua gerakan yang wujud di India iaitu nasionalisme dengan sifat sekular dan komunalisme Hindu, Sikh dan Islam. Namun sejak kebelakangan ini, ia telah di penuhi oleh kumpulan-kumpulan yang berbentuk militan yang berasaskan idea *Hindutva*.¹³⁸

Gerakan nasionalis Hindu sebenarnya mempunyai dua prinsip iaitu *Hindutva* dan *Hindurashtra* (Bangsa Hindu). Kedua-dua idea ini muncul akibat dari rasa kecewa masyarakat Hindu kerana golongan minoriti diberikan sama hak dengan mereka dari golongan majoriti sedangkan negara seperti Pakistan dan Bangladesh telah menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara. Sri Lanka pula berjaya menjadikan Buddha sebagai agama rasmi. Masyarakat Hindu yang mempunyai jumlah penduduk lebih daripada 82 % tidak mendapat hak tersebut.¹³⁹

Golongan militan Hindu yang cenderung kepada anti barat tidak suka kepada sikap pemimpin dan orang India yang bersikap kebaratan. Ini jelas dalam pemerintahan Nehru sendiri yang membangunkan negara India berlandaskan sekularisme yang merugikan Hindu sebagai majoriti. Penyebaran agama Kristian dan budaya barat telah dianggap merosakkan tradisi Hindu yang telah berakar umbi ribuan tahun. Bahkan barat yang menjadi sebab perpecahan masyarakat India dengan lahirnya Pakistan.¹⁴⁰

¹³⁸ Hindutva merupakan satu ideologi yang memberi keagungan kepada identiti Hindu dan menafikan hak golongan minoriti agama atau kasta Hindu yang lebih rendah. Penjelasan lanjut tentang Hindutva ini boleh dilihat dalam penulisan Rasheeduddin Khan, India: Ancaman Kepada Penyatuan, dalam **Kurier Unesco**, 2:1995, hlm. 28-29.

¹³⁹ Dhuroruddin Mashad, **Agama Dalam Kemelut Politik**, hlm. 11.

¹⁴⁰ Ibid., hlm.12.

Kebangkitan parti-parti yang berideologi Hindu ini telah menghakis kewujudan India sebagai sebuah negara sekular dan secara langsung kegagalan sekularisme. Ini menunjukkan kegagalan Jawaharlal Nehru meletakkan garis pemisah antara agama dan politik selepas kemerdekaan. Ini kerana agama telah menjadi sebahagian kehidupan penghuninya.¹⁴¹

Peranan masyarakat Islam sebagai orang India amatlah jelas. Walaupun mereka merupakan golongan minoriti mereka masih menganggap India sebagai tanah air mereka. Ini kerana wujudnya interaksi antara orang Hindu dan orang Islam itu sendiri terutamanya bagi mereka yang berpendidikan, berfahaman sekular dan nasionalis Hindu. Mereka sering melawat antara satu sama lain, menyambut perayaan yang sama iaitu hari Deepavali dan perayaan suci masyarakat Hindu dan orang Hindu menyambut perayaan Islam seperti hari raya 'Ed' dan hari raya 'Qurban'. Selain itu juga mereka menghormati perayaan yang disambut oleh agama-agama lain dan berfikiran terbuka serta mempunyai semangat cintakan India.¹⁴² Sokong menyokong dan persefahaman antara orang bukan Islam dan orang Islam inilah yang memperkembangkan peradaban India kontemporari.

¹⁴¹ Azharudin Mohamed Dali, "Konflik Agama di India" dalam **Pemikir**, April-Jun 2001, hlm. 30-31.

¹⁴² Lihat penulisan Zeenath Kausar, "Perservation Of Islamic faith and Identity in Non-Muslim Majority Country: The Case Of India", dalam **Muslim's Rights In Non-Muslim Majority Countries**, Institute Of Islamic Understanding Malaysia, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 51.

Masyarakat Islam cuba menyesuaikan diri dalam negara India itu sendiri. Ini jelas dari segi bahasa dimana masyarakat Islam sepatutnya belajar bahasa kebangsaan India. Selama 40 tahun masyarakat Islam berjuang untuk mendapatkan hak bagi bahasa Urdu namun tidak berjaya. Bagi memastikan bahasa Urdu terjamin, masyarakat Islam hendaklah mahir dalam menggunakan bahasa tempatan yang lain.¹⁴³ Jika masyarakat Islam mahir dalam semua bahasa ini, ia akan menunjukkan bahawa masyarakat Islam boleh menerima bahasa lain sebagai bahasa yang penting. Jadi masyarakat majoriti melihat bahawa masyarakat muslim berusaha untuk menjalinkan hubungan yang erat dengan bangsa lain.

Dalam melahirkan perpaduan di India, mereka hendaklah memastikan hak golongan minoriti dan majoriti itu perakui. Masyarakat India sepatutnya tidak menyalahkan antara satu sama lain dalam isu-isu yang berkaitan dengan Hindu-Islam. Ini jelas dalam kenyataan Ambedkar dimana *“In this country both minorities and majorities have followed a wrong path. It is wrong for majorities to deny the existence of minorities. It is equally wrong for minorities to perpetuate their existence.”*¹⁴⁴

Sebagai masyarakat minoriti di India, orang Islam sepatutnya lebih berpuas hati. Mereka sepatutnya mengamalkan sifat terbuka dengan agama lain. Mereka sepatutnya tidak terpengaruh dengan slogan yang dibentangkan oleh

¹⁴³ Maulana Wahiduddin Khan, **India Muslims**, Al-Risala Books, New Delhi, 1997, hlm 28

¹⁴⁴ S. Showkat Hussain, **Minorities Islam and the Nation State**, hlm. 22.

golongan anti-Islam. Selain itu, mereka sepatutnya tidak membuat bantahan atau bias apabila terdapat sedikit sahaja orang Islam dalam pentadbiran. Mereka juga sepatutnya tidak menjalankan protes terhadap isu-isu yang berkaitan dengan bahasa Urdu, undang-undang dan institusi pengajian tinggi Islam. Kesabaran itu penting dalam menuntut hak sebagai masyarakat minoriti India.¹⁴⁵

Sudah tiba masanya masyarakat Islam menukar cara pemikiran mereka. Mereka hendaklah melihat masyarakat Hindu itu bukan sendiri bukan kerajaan atau kuasa pemerintah. Ketua pemimpin Islam hendaklah berinteraksi dengan pemimpin Hindu. Interaksi yang hendak dilakukan bukan sahaja melibatkan kelas pemerintah sahaja malah melibatkan semua lapisan masyarakat. Dengan cara ini, hubungan mereka boleh diperbaiki dan kerjasama secara aman boleh dilakukan.¹⁴⁶

Selain itu, ajaran Islam menekankan beberapa nilai yang penting untuk membentuk individu, memupuk semangat persaudaraan, menggalakkan sifat tanggungjawab dan mewujudkan keharmonian dalam masyarakat.¹⁴⁷ Antara unsur-unsur yang menyumbang kepada tamadun Islam itu sendiri ialah kepercayaan kepada tuhan, perpaduan dan ummah.

¹⁴⁵ Maulana Wahiduddin Khan, **Indian Muslims**, hlm. 21.

¹⁴⁶ *Ibid.*, hlm. 138-139.

¹⁴⁷ G. Sivapalan, M. Rajentheran & R. Rajakrishnan, "Tamadun India" dalam **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm 290.

Dari segi kehidupan masyarakat, terdapat amalan menutup aurat bagi lelaki dan perempuan, penggunaan kalender Islam seperti bernikah, berkhatam al-Quran dan sebagainya. Islam telah mewujudkan proses transformasi terhadap gambaran hidup, pemikiran dan falsafah insan. Ini membawa semangat keagamaan yang rasional dan intelektual. Menurut Islam, semua manusia tidak kira bangsa dan keturunan adalah sama tarafnya mengikut ketakwaan dan kepatuhan kepada tuhan. Selain itu, ikatan ukhuwah Islamiyah (ikatan persaudaran Islam) telah membawa konsep bahawa semua umat Islam bersaudara tidak mengira darah dan keturunan. Ini berjaya menguasai pemikiran manusia yang sebelum ini terpengaruh dibawah ajaran animisme dan Hinduisme.¹⁴⁸

Bagi negara Islam, terdapat kebebasan beragama dan tidak wujud pemisah antara agama dan duniawi. Islam memberi hak kepada semua masyarakat dalam kebebasan bersuara, hak dalam undang-undang, hak penggunaan bahasa dan sebagainya.¹⁴⁹ Islam merupakan agama yang cintakan kedamaian bukan konfrontasi. Masyarakat Islam di India sepatutnya melihat contoh sejarah Islam itu sendiri dimana Perjanjian Hudaibiyah menunjukkan toleransi Rasulullah s.a.w. menerima semua syarat kaum-kaum minoriti lain. Masyarakat Islam sepatutnya menjadikan ia contoh dan mewujudkan kerjasama yang erat agar hubungan Islam dan Hindu bertambah baik.¹⁵⁰

¹⁴⁸ Ghazali Darusalam, **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm. 331.

¹⁴⁹ Dr. Sheikh Showkat Hussain, **Minorities Islam and the Nation State**, Islamic Books of Trust, Kuala Lumpur, 1997, hlm 42-54.

¹⁵⁰ Maulana Wahiduddin Khan, **India Muslims**, hlm. 153

Masyarakat Islam sepatutnya membebaskan pemikiran mereka daripada fahaman dua agama iaitu Hindu dan Islam. Mereka sepatutnya mengelakkan diri daripada pertelingkahan Hindu dan Islam. Mereka hendaklah tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang boleh mengerohkan lagi hubungan Hindu-Muslim. Dengan cara ini Islam boleh diterima oleh masyarakat Hindu secara terbuka.¹⁵¹

Kesedaran masyarakat India Muslim jelas kelihatan dimana ramai pemikir-pemikir masyarakat Islam telah berjaya dalam bidang masing-masing. Contohnya Dr. A. P. J Abdul kalam dan Dr. S.Z.Qasim dalam bidang sains dan pendidikan, pakar perubatan seperti Dr. Khalilullah dan ahli ekonomi A.M. Khusro serta beberapa tokoh yang lain.¹⁵² Mereka ini merupakan golongan muslim yang sedar betapa pentingnya pendidikan dan memajukan diri.

Kegagalan Islam sebenarnya dipengaruhi oleh kurangnya sifat kepimpinan dan kegagalan mengikuti kepimpinan yang betul. Syed Ahmad Khan (1817-1898) merupakan contoh pemimpin yang baik tapi dia dianggap kafir dan agen musuh. Bagi beliau kegagalan Islam disebabkan oleh kegagalan mereka dalam bidang pendidikan moden. Apabila beliau balik dari England, beliau melihat masyarakat Islam tertumpu kepada masalah politik sedangkan masalah mereka yang sebenar ialah pendidikan. Orang Islam sepatutnya berhenti menyalahkan orang lain dan tertumpu kepada pendidikan kerana ilmu merupakan kunci kepada kejayaan.¹⁵³

¹⁵¹ Dhuroruddin Mashad, **Agama Dalam Kemelut Politik**, hlm. 27-28.

¹⁵² Maulana Wahiduddin Khan, **India Muslims**, hlm. 91.

¹⁵³ Dhuroruddin Mashad, **Agama Dalam Kemelut Politik**, hlm. 57-60.

Jika pendidikan berada pada tahap yang lama, ia tidak dapat bersaing dengan masyarakat India yang lain.

Masyarakat India sepatutnya menukarkan fahaman mereka daripada benci kepada cintakan negara melalui konsep 'reverse course'. Ini jelas bagi negara Jepun yang dahulu kalah dalam Perang Dunia ke-2 telah menjadi negara yang berjaya pada hari ini. Konsep 'reverse course' amat diperlukan oleh India selepas kemerdekaan. Kegagalan pemimpin membentuk perasaan cintakan negara membawa kepada kemusnahan India. Kebebasan yang dimiliki India pada hari ini hanyalah sebagai satu kehancuran sahaja. Masyarakat Hindu dan Islam sepatutnya meningkatkan fahaman mereka dengan berbaik-baik antara satu sama lain seperti Jepun yang menjadi sahabat Amerika pada masa kini. Sebelum tahun 1942, pemimpin Islam telah membahagikan India kepada dua bangsa iaitu Hindu dan Muslim mempunyai perbezaan agama tetapi mereka berasal dari satu negara yang sama. Namun konsep ini tidak diterapkan selepas kemerdekaan.¹⁵⁴

Namun begitu wujud persoalan komunalisme yang sukar dijawab dalam perkembangan sejarah India. Meskipun era kemerdekaan sering melaungkan idea-idea sekularisme yakni pembahagian antara agama dan politik sebagai asas pembentukan negara, namun ia hanya separuh hati. Sekularisme berpengaruh dalam pembentukan nilai dan moral peradaban India kontemporari. Ia memisahkan sistem agama atau kepercayaan berbentuk terpisah dengan aspek kehidupan duniawi. Sekularisme memperlihatkan sistem agama atau kepercayaan

¹⁵⁴ Maulana Wahiduddin Khan, **India Muslims**, hlm. 16-17.

yang hanya sebagai satu bentuk ritual dan peribadi, tidak memiliki hubungan atau menjadi landasan kehidupan manusia.¹⁵⁵

Menurut E. Smith, sekularisme bukan merupakan negara agama dan kebebasan beragama. Agama merupakan persoalan individu dan bukan negara. Namun secara realitinya keadaan ini sukar di India kerana terdapat campurtangan agama dalam sistem pemerintahan India. Ini jelas dapat dilihat dalam kes di Tamil Nadu India Selatan yang secara nyata mengikut-atur kuil-kuil Hindu dengan dasar bahawa persoalan kuil merupakan persoalan umum dan negara mempunyai tanggungjawab secara langsung tentang masalah ini.¹⁵⁶ Ini kerana kuil dianggap memainkan peranan besar khususnya berkaitan dengan tanah secara nyata. Kuil-kuil lama yang terdiri sekitar 500,000 hektar tanah merupakan satu kawasan yang subur. Jadi nyata disini bahawa negara dijadikan alat melindungi budaya India Selatan bukan sebagai negara yang membentuk Hindu sebagai agama.

Bagi melahirkan satu negara yang berintegrasi dan stabil, serta berkeadaan seperti India, maka sekularisme dilihat sebagai antara pilihan yang diamalkan oleh orang Islam bagi menjamin persamaan hak bagi semua warganegara tanpa memandang perbezaan agama serta primordialisme yang lain.¹⁵⁷ Konflik pemerintahan dalam proses pembangunan sememangnya dialami di India akibat daripada perbezaan pandangan keagamaan. Sememangnya sejak tahun 1947,

¹⁵⁵ G. Sivapalan, , M. Rajentheran & R. Rajakrishnan, "Tamadun India" dalam **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm. 148.

¹⁵⁶ Dhuroruddin Mashad, **Agama Dalam Kemelut Politik**, hlm. 2-4

¹⁵⁷ Ibid.. hlm. 2.

pemerintahan India telah memperkenalkan sekularisme secara meluas dalam membentuk identiti nasional India. Sehingga 1990-an, idea ini dilihat berjaya untuk merapatkan hubungan antara masyarakat pelbagai kaum di India. Ia menjadi asas penting dalam perkembangan peradaban India kontemporari.

Namun secara realitinya, ia susah untuk diserap masuk kerana agama di India bukan bersifat dimensi individu tetapi ia merangkumi aspek kehidupan, ekonomi dan kebudayaan yang akhirnya menyebabkan negara terpaksa campurtangan. Ini diperkuatkan lagi dalam arena politik apabila muncul parti-parti seperti *Bharatiya Janata Party* (BJP) yang mewujudkan konflik antara Hindu-Islam. BJP yang dikuasai oleh golongan kasta atasan dan pertengahan telah memandang rendah terhadap kasta bawahan dan agama lain.¹⁵⁸

Idea tentang Hindutva misalnya menjadi begitu subur di India menjelang era 80-an dan 90-an. Malah keberlangsungan peristiwa masjid Babri menunjukkan berakhirnya idea sekular dalam kewujudan India sebagai sebuah negara merdeka. Ia diikuti dengan kemenangan BJP dalam pilihanraya pada tahun 1996. BJP seterusnya menjadi peneraju kepada kerajaan.¹⁵⁹

Dari sini jelas menunjukkan bahawa idea sekularisme yang diserap masuk oleh Barat tidak bertahan lama di India. Ini kerana wujud golongan-golongan

¹⁵⁸ Ibid., hlm 94.

¹⁵⁹ Azharudin Mohamed Dali, "Konflik Agama di India" dalam *Pemikir April-Jun 2001*, hlm. 94.

radikal di India yang fanatik terhadap agama dan cuba bangkit sebagai sebuah negara yang didokong oleh agama. Perkembangan idea Hindutva telah secara langsung mengancam kestabilan dan keseimbangan yang sedia wujud dalam peradaban India kontemporari. Selain itu, ia juga merupakan antara cabaran masyarakat Islam yang paling besar di India.